

# Majlis Kesyukuran PT3 dan SPM 2016 SM Sains Sabtu ini, Maitah Badudun



**ZULKIFLI (tengah), Shukri (dua kanan) dan Mohd Ali (dua kiri) bersama AJK PIBG SM Sains Labuan.**

**5 April** – PERSATUAN Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Menengah Sains Labuan akan menganjurkan Majlis Kesyukuran PT3 dan SPM 2016 pada Sabtu ini.

Yang Dipertuanya Zulkifli Zakaria berkata AJK PIBG sudah bersetuju untuk mengadakan program itu bermula dengan solat Dhuha dan solat Hajat jam 7 pagi di surau sekolah berkenaan.

Katanya selepas solat, semua ibu bapa dan guru serta pelajar akan bergotong-royong menyembelih lembu, melapah dan memasak di pekarangan flat guru sebelum menikmati jamuan makan.

Beliau berharap dengan kehadiran ibu bapa pelajar PT3 dan SPM 2016 di samping guru-guru akan merapatkan lagi hubungan silaturrahim yang sememangnya terjalin baik antara kedua-dua pihak.

“PIBG menjemput dan mengalu-alukan kehadiran semua ibu

bapa termasuk ibu bapa pelajar yang menduduki SPM dan PT3 pada tahun lalu," katanya.

Zulkifli berkata majlis itu diadakan untuk meraikan kejayaan pelajar PT3 dan SPM 2016 sambil beramah mesra dengan ibu bapa terutamanya yang berasal dari Sabah dan Sarawak.

Selain itu, beliau juga mengalu-alukan sumbangan kewangan daripada ibu bapa untuk menjayakan program itu.

Beliau mengucapkan terima kasih atas komitmen dan kerjasama pihak pentadbir yang diketuai Pengetua Cemerlang SM Sains Labuan Haji Mahamad Shukri Said serta guru-guru sekolah itu.

**Sumber : Utusan Borneo, 5 April 2017**